

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 9/1974**

=====

**DASAR UNTUK MENGGUNAKAN TANAH MILIK PERTANIAN UNTUK
PERUSAHAAN BAGI MENDIRIKAN KILANG BATU BATA**

Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 10hb Oktober 1974 telah membuat keputusan untuk membolehkan Kilang Batu-Bata seperti berikut:-

- (i) Pemohon hendaklah menyerahkan balik Hakmilik tanahnya kepada Kerajaan untuk tujuan mendirikan Kilang Batu-Bata;
- (ii) Setelah Hakmilik itu diserahkan balik kepada Kerajaan satu Lesen Tumpangan Sementara akan dikeluarkan dengan bayaran dan syarat-syarat berikut:-

Tempoh : 5 Tahun

Bayaran : RM300/- seekar

Syarat – syarat :-

- (i) Pemilik hendaklah mengadakan kebersihan dan mengawal kekotoran seperti kekotoran-kekotoran udara daripada asap, debu-debu dan sebagainya yang boleh mengancam orang ramai.
- (ii) Pemilik hendaklah menjalankan kerja-kerja mencegah nyamuk mengikut kehendak-kehendak Pegawai Kesihatan.
- (iii) Apa-apa kerosakan kepada tebing sungai hendaklah diperbaiki oleh pemilik dengan perbelanjaannya sendiri mengikut kehendak-kehendak Jurutera Parit dan Taliair Negeri Selangor.
- (iv) Pemilik hendaklah menjaga supaya tidak ada "Pollution" berlaku kepada sungai dengan pembangunan ini.
- (v) Pemilik hendaklah menimbus dan merata lubang-lubang yang telah dikorek.
- (vi) Pemilik hendaklah menetapkan iaitu 40% daripada pekerja-pekerja yang diambil untuk menjalankan perusahaan keatas tanah berkenaan mestilah orang-orang Melayu.

- (vii) Pemilik dikehendaki mengambil permit untuk mengalih batu-bata di bawah seksyen 23 Peraturan Tanah Selangor 1966.

2. Dengan ini Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 4/1974 adalah dibatalkan.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL 32(104)

KUALA LUMPUR
4HB NOVEMBER 1974

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.9/1977**